

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	11/5/2011

# Proton bina logistik bersepadu

BANTING 10 Mei.- Proton Holdings Bhd. (Proton) melabur kira-kira RM28 juta bagi membina dua buah pusat logistik bersepadu bagi meningkatkan kecekapan penghantaran dan juga kualiti kenderaan.

Pengarah Urusan Kumpulan Proton, Datuk Sen Syed Zainal Abidin Syed Mohamed Tahir berkata, pusat-pusat itu dikenali sebagai Pusat Logistik, Pembahagian, Penyimpanan dan Penyelenggaraan (CLASS) dibangunkan, masing-masing di Sijangkang, Selangor dan Tanjung Malim, Perak.

Beliau berkata, pelaburan yang dilakukan oleh anak syarikat Proton, Proton Edar Sdn. Bhd. (PESB) melibatkan usaha sama dengan Konsortium Logistik Bhd. (Konsortium) yang berperanan menguruskan operasi CLASS yang telah bermula 1 April lalu.

"Dengan adanya CLASS, penyimpanan kenderaan keluaran Proton dibuat dengan lebih tersusun manakala proses penghantaran dapat dibuat dengan lebih cepat mengikut tempoh yang ditetapkan kepada pelanggan.

"Malah, dengan adanya CLASS, setiap kenderaan yang kita hasilkan akan dipastikan pemeriksaan terlebih dahulu dari segi kualitinya sebelum penghantaran dibuat kepada pelanggan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas majlis pelancaran CLASS yang disempurnakan Penasihat Proton, Tun Dr. Mahathir Mohamad di Sijangkang, di sini hari ini.

Turut hadir pada majlis itu ialah Pengerusi Proton, Datuk Seri Mohd. Nadzmi Mohd. Salleh; Ketua



**MAHATHIR Mohamad (dua dari kanan) menandatangani plak tanda pelancaran CLASS sambil diperhatikan Syed Zainal Abidin Syed Mohamed Tahir (kanan) di Sijangkang, Banting, semalam.**

Pengawai Eksekutif PESB, Mohamad Shukur Ibrahim manakala Konsortium pula diwakili oleh Pengerusinya, Ismett Azyze Hamad Abdul Azyze dan Ketua Pengawai Eksekutifnya, Che Azizuddin Che Ismail.

Syed Zainal Abidin berkata, kewujudan CLASS masing-masing seluas 20.2 hektar di Sijangkang dan 18.2 hektar di Tanjung Malim itu mampu menjimatkan kos Proton sebanyak 78 peratus.

"Kami harap dengan adanya pusat ini juga akan menghapuskan persepsi negatif terhadap kende-

raan keluaran Proton dari segi kualiti tingkap kuasa (*power window*) dan kelewatan penghantaran," ujarnya.

Sementara itu, Dr. Mahathir dalam ucapannya berkata, usaha mencari idea-idea baru dalam perniagaan adalah perkara yang amat penting bagi memastikan perniagaan yang dijalankan terus kukuh dan mampu bersaing.

Selain idea baru, pemasaran dan promosi yang baik turut memberi peranan yang besar dalam kelangsungan hidup mana-mana perniagaan termasuk mengambil kira ke-

puasan pelanggan meskipun melibatkan jumlah yang kecil, ujar bekas Perdana Menteri itu.

"Kalau satu orang tidak puas hati (dengan produk), mereka akan memberitahu keburukan itu merata-rata kepada semua orang.

"Jadi kalau ada satu rungutan, maka harus ambil perhatian rungutan tersebut bagi memastikan syarikat itu mendapat imej yang baik. Malah, saya berharap Proton turut mengambil kira perkara ini.

"Saya yakin Proton akan kembali sebagai pengeluar kereta nombor satu di negara ini," katanya.